

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 07 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 36

Sifar aedes: Johor tumpu bersih taman perumahan lama

BATU PAHAT - Kerajaan Johor melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) akan memberikan tumpuan terhadap aspek kebersihan di taman perumahan lama yang berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes dalam usaha menjadikan negeri ini 'sifar aedes' pada masa akan datang.

Exco Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar berkata, antara taman perumahan yang diberikan perhatian adalah yang dibina sekitar tahun 1970-an hingga 1980-an.

Beliau berkata, hasil tinjauan yang dilakukan pihaknya mendapati banyak taman perumahan terbabit kini mempunyai sistem perparitan yang tidak lagi sesuai selain ada yang bermasalah.

"Oleh itu, pihak JKNJ akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengenal pasti taman perumahan lama yang berisiko ini sekali gus usaha untuk membanteras pembiakan nyamuk aedes ini dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Gotong-royong Mega Perangi Aedes 2.0 Peringkat Negeri Johor 2019 di Taman Suria Ros Ayer Hitam di sini semalam.

Mengulas mengenai Pasukan Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi), Mohd Khuzzan berkata, pihaknya akan turut melibatkan pasukan sukarelawan berkenaan dan menyasarkan seramai 10,000 orang menyertainya pada tahun depan bagi menghapuskan pembiakan aedes. - *Bernama*